

Royalti RM89,683

■ USIM terbit 240 judul buku dalam tempoh dua tahun

Oleh Khairul Najib
Asarulah Khan
am@hmetro.com.my
Nilai

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya mengutip royalti sebanyak RM89,683 melalui penerbitan buku bagi tahun lalu dan sebelumnya.

Naib Canselor USIM Prof Datuk Dr Musa Ahmad berkata, kutipan royalti itu adalah yang tertinggi, sekaligus menunjukkan buku meliputi pelbagai ilmu semakin menarik perhatian pembaca.

"Seramai 200 penulis buku sudah menghasilkan 240 judul buku bagi terbitan tahun 2013 dan 2014 dengan nilai keseluruhan kutipan royalti bernilai RM89,683.52."

"Kejayaan kutipan royalti ini dibantu dengan kerjasama strategik Bahagian Penerbitan USIM dengan penerbit luar negara seperti Tokoshuku University dan Malaysia Japanese Association, Jepun serta Al-Manhal, Jordan.

"Bagi peringkat tempatan, ia dibantu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Institut



FAKTA
USIM pernah terbit buku dalam bahasa Luganda dan juga Jepun

DR Musa (tengah) bersama penulis buku USIM ketika Majlis Kalam Bitara 2015 di Nilai Springs Resort Hotel, Nilai.

Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Kota Buku," katanya.

Agihan royalti dalam bentuk wang tunai kepada penulis itu sudah disampaikan ketika Majlis Kalam Bitara 2015 di Nilai Springs Resort Hotel, di sini, baru-baru ini.

Musa berkata, USIM mampu menghasilkan dalam tiga bahasa utama iaitu Arab, Inggeris dan Melayu.

"Kita juga pernah menerbitkan buku dalam bahasa Luganda dan juga Jepun, selari dengan hasrat untuk

menubuhkan pusat budaya Jepun nanti.

"Penerbitan buku antara kaedah mendedahkan ilmu kepada dunia luar supaya ilmu kalam tidak tercerna dalam diri sendiri," katanya.

Beliau berkata, penerbit USIM sentiasa bergerak aktif di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

"Kita menyertai hampir 24 pameran setiap setahun termasuk pameran bertaraf antarabangsa seperti Frankfurt Book Fair, Tokyo Book Fair dan Pesta Buku Brunei," katanya.

Pada majlis itu, pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Prof Madya Dr Sapor Sipon menerima Anugerah Royalti Tertinggi dan Anugerah Buku Terlaris (Bahasa Melayu), manakala pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Dr Muhammad Rodhwan Ab Aziz dipilih penerima Anugerah Buku Terlaris (Bahasa Inggeris).

Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Dr Azman Ab Rahman pula menerima Anugerah Penulis Aktif.